

# Kenang jasa Dr. M

LANGKAWI 12 Ogos - Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mahu anggota pergerakan itu mengenang jasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang banyak berbakti kepada negara.

Menurut beliau, Dr. Mahathir telah bekerja keras untuk membangunkan negara termasuk Langkawi sehingga pulau peranginan itu dikenali dunia.

"Tanpa Tun (Mahathir), Langkawi tidak ada apa-apa," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Langkawi di Padang Matsirat di sini hari ini.

Hishammuddin berkata, Pemuda UMNO kesal dengan tindakan pihak tertentu yang mempengaruhi Dr. Mahathir untuk mencapai cita-cita politik mereka.

Beliau bagaimanapun yakin keseluruhan ahli pergerakan itu menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Presiden UMNO.